

KPDN Sabah tinjau aktiviti Jualan Rahmah Hari Raya

🕒 2023-04-04T12:16:51+08:00



TINJAUAN: Georgie (kanan) bersama Foo (tengah) dan Lim (kiri) semasa tinjauan di premis 99 Speed Mart (East Malaysia) Sdn. Bhd. *Gambar ihsan KPDN Sabah*

KOTA KINABALU: Sempena pelaksanaan Inisiatif Payung Rahmah membabitkan 202 cawangan 99 Speed Mart di negeri ini, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Negeri Sabah menjalankan tinjauan berkaitan aktiviti Jualan Rahmah Hari Raya.

Pengarah KPDN Negeri Sabah Georgie Abas mengetuai tinjauan pelaksanaan Jualan Rahmah Hari Raya yang ditawarkan di salah sebuah premis 99 Speed Mart (East Malaysia) Sdn. Bhd. di sini semalam.

Katanya, pelaksanaan Inisiatif Payung Rahmah di semua cawangan 99 Speed Mart di Sabah meliputi aktiviti Jualan Rahmah yang dijalankan selama sebulan bermula 23 Mac hingga 22 April 2023.

Menurutnya, jualan berkenaan melibatkan sebanyak 35 item pelbagai produk barangan asas dan perlu seperti beras, tepung, air minuman, ketupat mini, kordial, minyak masak botol lima kilogram, mentega, dan biskut raya.

Beliau berkata, kesemua barangan masing-masing ditawarkan pada harga yang lebih rendah sehingga 30 peratus berbanding harga jualan murah sedia ada.

"KPDN melihat tambahan diskaun di bawah Jualan Rahmah yang ditawarkan oleh 99 Speed Mart ini sebagai tawaran yang amat berbaloi, berpatutan dan mampu milik kepada seluruh rakyat Sabah.

"Ia seiring dengan keperluan rakyat untuk mendapatkan barangan keperluan asas dan Jualan Rahmah ini juga dapat membantu golongan yang kurang berkemampuan sepanjang bulan Ramadan, serta Syawal yang bakal tiba.

"KPDN terus komited untuk memastikan seluruh warga Sabah dilindungi dan tidak terbebani dengan peningkatan kos sara hidup dalam situasi mencabar dan tidak menentu pada hari ini," katanya dalam kenyataan di sini.

Pada masa sama jelasnya, KPDN sentiasa menyokong usaha yang dilaksanakan oleh warga industri sektor peruncitan di negara ini untuk menggalakkan rakyat Malaysia berbelanja dengan memberi ganjaran tambahan atau nilai tambah kepada pengguna, khususnya menjelang musim perayaan.

Georgie berkata, pihaknya turut berharap agar usaha seperti itu mampu menarik perhatian pengguna di Sabah, khususnya golongan berpendapatan rendah dengan kerjasama rakan-rakan strategik untuk mendapatkan barangan dengan harga yang rendah dan berpatutan tetapi berkualiti seiring dengan jenama produk yang ditawarkan.

"KPDN Sabah ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada 99 Speed Mart (East Malaysia) Sdn. Bhd atas inisiatif ini bagi membantu golongan yang memerlukan dalam meringankan beban kos sara hidup mereka di Sabah.

"Diharap lebih banyak pemain industri di Sabah turut menawarkan Jualan Rahmah," katanya.

Turut hadir, Pengurus Besar 99 Speed Mart (East Malaysia) Sdn. Bhd. Foo Meng Keet dan Pengurus Kanan Operasi Cawangan 99 Speed Mart (East Malaysia) Sdn. Bhd. Lim Yu Kiun.